



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA)
MENARA SSM@SENTRAL
NO. 7, JALAN STESEN SENTRAL 5,
KUALA LUMPUR SENTRAL,
50470 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2299 4400
Faks : 03-2299 4411
Emel : enquiry@ssm.com.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : SSM/BPP/SK/GAPMB

Tarikh : 31 Oktober 2012

No. 2A-2, Wangsa Biz Avenue
Jalan Wangsa Niaga
Off Jalan 34/26, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

(U.P: Puan Anne C.K.Cheong)

Puan,

GOLDEN AGRO PLANTATION (MUKAH) BERHAD (884334-W)
Kelulusan Permohonan Pendaftaran Skim 'Golden Agro Growers Scheme'

Dengan hormat saya merujuk kepada permohonan oleh pihak puan bertarikh pada 9 January 2012 untuk pendaftaran skim baru.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa SSM telah **meluluskan** perkara-perkara berikut:

- (i) Draf surat ikatan amanah;
- (ii) Draf prospektus; *dan*
- (iii) Pelantikan Dato' Allan Lim Kim Huat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (**'KPE'**) bagi skim ini;

3. Selain itu, Y.B. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah meluluskan pada 1 Ogos 2012 berkaitan dengan permohonan-permohonan oleh pihak tuan seperti berikut:

- (i) Pelantikan My Premier Trustee (Malaysia) Berhad untuk bertindak sebagai pemegang amanah bagi tujuan Surat Ikatan Amanah berhubung skim ini; *dan*
- (ii) Pengecualian dari mematuhi Seksyen 88(1)(b)(iii), Akta Syarikat 1965 bagi enam (6) tahun pertama skim daripada tarikh prospektus berhubung skim ini.

4. Sehubungan itu, sila kemukakan perkara-perkara berikut:

- (i) Pelantikan Dato' Allan Lim Kim Huat sebagai KPE bagi skim ini didaftarkan dengan SSM melalui **Borang 49**.
- (ii) Surat Ikatan Amanah yang telah dilaksanakan dalam masa **tujuh (7) hari** dari tarikh kelulusan diberi sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 86(3), Akta Syarikat 1965;
- (iii) Prospektus yang telah dilaksanakan menurut Seksyen 42, Akta Syarikat 1965; *dan*
- (iv) Satu penyata pengakuan yang menyatakan bahawa surat ikatan amanah dan prospektus tersebut tidak berbeza dengan draf-draf yang telah dikemukakan.

Terima kasih.

"KE ARAH KECEMERLANGAN SSM"

Yang benar,



(JANATUL ALMAS BT MOHAMMAD)

b.p. Pendaftar Syarikat

Seksyen Skim Kepentingan

Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran

Tel: 03 - 2299 4619

Faks: 03 - 2299 4586